

Headline	Inovasi akar lelayang		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	07 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	160,000
Page No	6	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	782 cm ²
Journalist	NORSHAHZURA MAT ZUKI	AdValue	RM 13,339
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,017



NORSHAHZURA MAT ZUKI
FOTO: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

Inovasi akar lelayang



Produk Ar Razi Herba Hutan Spray yang dihasilkan menggunakan akar lelayang.



Dr Mohd Noor menunjukkan Ar Razi Herba Hutan Spray.

Akar lelayang antara tumbuhan semula jadi utama yang digunakan kebanyakan masyarakat Orang Asal untuk merawat luka atau kesan gigitan binatang berbisa. Ia adalah herba dan dijadikan bahan alternatif sebelum dapatkan rawatan lanjut di hospital.

Cara penggunaannya ialah daunnya dikunyah dan diletakkan pada luka kesan gigitan binatang berbisa. Menyedari kebaikan akar lelayang, FRIM Incorporated Sdn Bhd, anak syarikat kepada FRIM mengambil inisiatif membuat kajian mengenainya.

Pengurus Projek dan Pemasaran FRIM Incorporated Sdn Bhd, Dr Mohd Noor Mahat berkata, akar lelayang adalah bahan utama dalam kaedah tradisional untuk merawat luka. Dalam konteks ini, masyarakat Orang Asal menggunakannya sebagai anti serangan dan tidak beracun.

Jelasnya, selepas mendapati keunikan akar lelayang, beliau membuat kajian dengan melakukan cara paling mudah untuk dapatkan hasil akar lelayang.

"Batang akar lelayang direndam dalam tempoh tiga bulan tetapi tidak memberikan hasil yang kami inginkan. Saya melakukan cara yang sama tetapi mengambil masa selama enam bulan dan ia memberikan hasil yang positif.

"Saya mengambil keputusan untuk merendam batang akar lelayang dalam tempoh lebih lama iaitu 12 bulan untuk mendapatkan hasil yang lebih baik," katanya.

Beliau berkata, melalui pembacaannya mendapati akar lelayang digunakan oleh mereka yang mengalami luka yang sukar untuk diubati berpunca daripada pelbagai sebab antaranya penyakit diabetes.

AKAR LELAYANG DIEKSTRAK

Dr Mohd Noor berkata, selepas melakukan kajian tersebut, akar lelayang diekstrak dan digabungkan dengan

etanol serta dihasilkan dalam bentuk spray pada 2015 untuk membantu mereka yang mengalami luka yang sukar untuk sembuh.

"Kami memberikan produk ini kepada mereka yang mengalami masalah luka. Selepas menggunakannya, luka mereka semakin pulih dan menunjukkan tanda-tanda positif.

"Ia memberikan keyakinan kepada kami untuk meneruskan penghasilan produk dengan menggunakan akar lelayang kerana ia membantu memulihkan sel yang terdapat pada luka dalam tempoh tertentu bergantung kepada tahap kedalaman dan saiz lukanya," katanya.

Menurutnya, untuk memastikan ia dihasilkan dengan berkualiti dan mengikut

formulasi sendiri, gabungan bahan-bahan ini dikilangkan di sebuah kilang yang mempunyai GMP.

"Pada 2018, syarikat Bumiputera, Ar Razi Products Sdn Bhd (Ar Razi) mengambil inisiatif memasarkan produk ini yang dikenali sebagai Ar Razi Herba Hutan Spray," katanya.

SASAR 3,000 BOTOL PADA 2019

Sementara itu, Pengerusi Ar Razi Products Sdn Bhd (Ar Razi), Datuk Shahrazi Sha'ari berkata, beliau berminat untuk memasarkan produk tersebut selepas melihat kajian dan eksperimen yang teliti dilakukan oleh FRIM Incorporated.

"Kesan penggunaannya kepada

mereka yang mempunyai luka yang sukar sembuh memberikan keyakinan kepada syarikat untuk memasarkan produk ini. Pengalaman saya sendiri yang sukar untuk membantu ibu merawat penyakit yang dialaminya juga memberikan suntikan semangat kepada saya untuk memasarkannya.

"Saya mahu membantu orang lain supaya mereka dapat meneruskan kehidupan dengan sihat. Pada 2018, Ar Razi Herba Hutan Spray berada dalam pasaran dan mendapat sambutan yang memberangsangkan," katanya.

Beliau berkata, dalam tempoh tiga bulan pertama, sebanyak 100 botol berjaya dijual dan syarikat menerima maklum balas yang positif daripada pembeli.

"Kami mengunjurkan Ar Razi Herba Hutan Spray akan mencatatkan jualan sebanyak 3,000 botol menjelang akhir 2019. Ia dipacu oleh strategi pemasaran yang agresif sepanjang tahun.

"Kami juga akan mengadakan siri jelajah ke seluruh negara untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai produk ini dengan lebih dekat. Ia membolehkan kami berkongsi secara langsung dengan pengguna yang mahu mendapatkan maklumat mengenai produk ini," katanya.

Shahrazi berkata, untuk mengukuhkan kedudukan produk itu juga, syarikat akan melantik stokis di setiap negeri untuk membantu meningkatkan pengedaran produk itu kerana setakat ini ia hanya dijual secara atas talian sahaja dan dipromosikan melalui media sosial.

"Dengan adanya stokis, jaringan penggunaan produk ini akan lebih meluas. Kami menjangkakan produk ini akan menembusi pasaran Singapura dan Indonesia dalam masa terdekat," katanya.



Dr Mohd Noor menunjukkan akar lelayang yang digunakan untuk menghasilkan Ar Razi Herba Hutan Spray.